

Moreh Puisi Dinihari rai lima tokoh sastera, bahasa

Kuala Lumpur: Apresiasi puisi Islam terus mengiis kemeriahan Ramadan melalui penganjuran Moreh Puisi Dinihari yang akan berlangsung di Sanggar Damai Abadi, Kampung Bukit Kapar, Klang dekat sini, Jumaat ini.

Acara yang usianya sudah memasuki se-dekad itu, turut meraikan lima tokoh dalam bidang kesusasteraan dan bahasa Melayu.

Penganjur Moreh Puisi Dinihari, Ibrahim Ghaffar, berkata tokoh yang diraikan ialah Sasterawan Negara (SN), Datuk Dr Zurinah Hassan dan Penerima Anugerah Penulisan Asia Tenggara (SEA Write) 2015, Jasni Matlani.

“Acara ini turut meraikan bekas Pengerusi Media Prima Bhd (MPB), Tan Sri Dr Johan Jaffar yang dianugerahi Doktor Kehormat Pengurusan Seni dan Penulisan Kreatif dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

“Yang turut diraikan Setiausaha Majlis Perundangan Melayu, Datuk Dr Hassan Mad yang menerima pentauliah sebagai penyandang pertama Kursi Institut Raja-Raja Melayu Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Datuk Dr Awang Sariyan yang menerima perlantikan Profesor Beijing Foreign Language University dan Profesor Adjung UKM,” katanya dalam kenyataannya di sini, semalam.

Persembahan gamelan

Moreh Puisi Dinihari itu akan diisi oleh sasterawan dan penyair tanah air, termasuk SN, Datuk Baharuddin Zainal atau Baha Zain dan Presiden Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA), Dr Mohamad Saleh Rahamad.

Majlis itu juga akan menampilkan Ketua Pengarah DBP, Abd Adziz Abas dan Pengarah Urusan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Mohd Khair Ngadiron.

Dengan diiringi persembahan Gamelan Seri Seranteh, hadirin akan dibawa menikmati persembahan pelajar Fakulti Filem, Teater dan Animasi UiTM; Universiti Selangor (UNISEL), Universiti Putra Malaysia dan UKM.

Acara anjuran bersama Warisan Wong Kampung (WAK) dan PENA ini akan berlangsung di Sanggar Damai Abadi beralamat Lot 5488 Jalan Iskandar, Kampung Bukit Kapar sebaik selepas Tarawih.

Info

Moreh Puisi Dinihari

→ **Berlangsung** di Sanggar Damai Abadi, Lot 5488 Jalan Iskandar, Kampung Bukit Kapar, Klang, Kuala Lumpur, Jumaat ini.

→ **Acara anjuran** bersama Warisan Wong Kampung (WAK) dan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA).